

25/09/1997

Selesai isu penjaja di meja rundingan

Musomar

WARGA Kuala Lumpur nampaknya bukan sekadar diselubungi jerebu yang tidak menentu, malah pelbagai masalah lain yang memburukkan lagi keadaan. Ketika jerubu berkurangan sedikit akhir minggu lalu, penjaja dan peniaga kecil di Chow Kit pula muncul dengan ugutan untuk mogok serta menutup warung mereka sebagai bantahan terhadap arahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) supaya mereka berpindah ke Jalan Haji Hussein. DBKL memberi masa sehingga hari ini kepada 365 penjaja di kawasan terbabit berbuat demikian atau gerai dan warung mereka dirobohkan.

Kelmarin, mereka mengotakan apa yang dikata apabila penjaja dan peniaga kecil di Chow Kit menutup gerai mereka. Selain itu, kira-kira 40,000 penjaja dan peniaga kecil lain di seluruh ibu kota, termasuk di Pudu, Bangsar dan Taman Tun Dr Ismail, turut berbuat demikian sebagai tanda simpati dan menyokong perjuangan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Wilayah Persekutuan (PPPKWP). Kita juga simpati dengan mereka, tetapi dalam masa yang sama kita tidak mahu keadaan yang ada sekarang berterusan, terutama menjelang Sukan Komanwel tahun depan apabila kita menjadi tuan rumah kepada puluhan ribu pelancong.

Apa yang kita kesalkan ialah tindakan mereka cuba mengheret pihak lain dalam masalah mereka dan lebih menyedihkan apabila mereka menghantar memorandum kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta supaya kerja meroboh dan memindahkan itu dibatalkan. Cukuplah dengan masalah kejatuhan nilai ringgit dan jerebu yang memeningkan kepala Dr Mahathir. Jangan pula ditambah dengan isu kecil seperti ini.

Dalam soal ini, kita tidak bertujuan memihak kepada mana-mana. Bagaimanapun, kita yakin langkah DBKL bukan bertujuan menindas, menganiaya atau menghalau sesiapa, sebaliknya bagi kepentingan semua pihak. Kawasan Chow Kit yang begitu strategik tidak boleh dibiarkan begitu saja. Sampai bila kita mahu melihat kawasan itu terus dipenuhi gerai yang tidak tersusun dan kotor?

Selain itu, kita juga perlu sedar bahawa kawasan berkenaan hendaklah dimajukan selaras dengan kepesatan pembangunan di sekitarnya. Imej Chow Kit sebagai kawasan beli-belah dan tempat makan untuk kelas bawahan sepatutnya dihapuskan. Kita mahu Chow Kit menjadi seperti Orchard Road di Singapura, Ginza di Tokyo atau Oxford Street di London. Langkah memindahkan mereka adalah bertujuan menyusun semula pembangunan di Chow Kit.

Sebenarnya, ada juga baiknya jika gerai dan warung di Chow Kit itu dipindahkan kerana ia adalah antara faktor yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di situ. Kawasan terbabit juga menjadi punca kekotoran dan sampah. Sebaliknya, kita percaya jika penjaja dan peniaga kecil terbabit berpindah ke Jalan Haji Hussein, ia akan dapat memulihkan imej kawasan berkenaan yang sebelum ini dikenali sebagai lorong hitam yang penuh dengan sarang maksiat, pelacur, penagih dadah serta jenayah.

Bagaimanapun, dalam melaksanakan pembangunan di kawasan berkenaan, DBKL perlu mendapatkan pandangan daripada semua pihak. Pelan pembangunan Chow Kit patut dikaji semula kerana tentangan keras di kalangan penjaja dan peniaga menunjukkan pelan sekarang ada banyak kelemahan. Jika Chow Kit hendak dibangunkan sekalipun, biarlah manfaatnya dinikmati sama oleh penjaja dan peniaga di situ, bukan oleh pihak tertentu saja.

Oleh itu, apa yang penting sekarang ialah DBKL dan PPPKWP hendaklah kembali ke meja rundingan bagi mencari jalan penyelesaian. Langkah

berkenaan perlu bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini. Kita tidak mahu isu seperti ini terus membebankan kita. Cukuplah soal jerebu yang sudah berlarutan sejak tiga bulan lalu memeningkan kita, jangan pula ditambah dengan masalah baru yang sepatutnya dapat diselesaikan dengan cara baik.

(END)